



KERATAN AKHBAR

AKHBAR	:	KOSMO		
TARIKH	:	7/5/2018	MUKA SURAT	: 16
JABATAN	:	FRIM		
KLASIFIKASI	:	PERHATIAN		

Johor jadi perintis laksana projek tanaman mengkuang secara komersial

Kerjasama KEJORA, FRIM, SIRIM

Oleh FAIZAL NAZARUDDIN

KOTA TINGGI – Tanaman mengkuang yang sebelum ini kurang diberi tumpuan kerana tumbuh meliar di tepi sungai dan parit kini akan diusahakan secara komersial bagi memenuhi permintaan bahan mentah daripada daun pokok itu untuk industri kraf tangan negara.

Menariknya, Johor merupakan negeri pertama melaksanakan tanaman terbahut untuk perladangan yang diusahakan oleh Lembaga Kemajuan Johor Tenggara (KEJORA) bersama Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia (FRIM) di kawasan pertanian Kampung Tuan Seh, Sedili Besar di sini.

Pengurus Besar KEJORA, Norazman Othman berkata, pihaknya mepelopor tanaman tersebut kerana ia mempunyai potensi untuk dimajukan selain bagi memenuhi bekalan dan pembangunan masyarakat luar bandar khususnya di negeri ini.

"Idea mengusahakan tanaman ini datang daripada Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah, Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob sejak 2016 yang mahukan bekalan daun mengkuang mencukupi untuk usahawan kraf tangan di Malaysia.

"Ketika ini, tiada pihak yang mengusahakan tanaman mengkuang berskala besar dan usahawan kraf tangan terpaksa mendapatkan bekalan yang terhad daripada penduduk kampung secara kecil-kecilan," katanya.

Beliau berkata demikian pada sidang akbar selepas majlis menandatangani memorandum perjanjian (MoA) antara KEJORA dan FRIM di Kampung Tuan



NORAZMAN (tengah), Khali Aziz (kanan) dan Zulkifli bergambar bersama selepas majlis menandatangani MoA antara KEJORA dan FRIM di Kampung Tuan Seh, Sedili Besar, Kota Tinggi semalam.

Seh, Sedili Besar di sini semalam.

FRIM diwakili oleh Timbalan Ketua Pengarah (Operasi), Dr. Khali Aziz Hamzah. Turut hadir Pengurus Besar Kanan Jabatan Pemasaran Kumpulan SIRIM Berhad, Zulkifli Abdullah.

Norazman berkata, FRIM akan membantu pihaknya dalam menjayakan projek tersebut dengan terlibat melakukan kajian ke atas tanaman berkenaan untuk tujuan perladangan.

"Terdapat dua fasa dalam projek ini iaitu peringkat pertama, KEJORA menyediakan tapak atau tanah seluas 5.6 ekar untuk tanaman tersebut dengan dana sebanyak RM500,000.

"Dalam fasa ini, FRIM akan melaku-

kan penanaman pokok mengkuang, pembersihan, penyelenggaraan tanah, penuaian dan kaedah pengendalian lepas tuai dalam tempoh tiga tahun ini," ujarnya.

Beliau memberitahu, KEJORA akan mengembangkan lagi projek tersebut sebaik sahaja fasa pertama berjaya dilaksanakan.

"Antaranya kita akan membina kilang memproses dan menggalakkan penanaman daripada penduduk setempat untuk menjana pendapatan.

"Tanaman pokok mengkuang ini mempunyai potensi pasaran disebabkan banyak usahawan kraf tangan memerlukan bahan mentah daripada daun

pokok itu.

"Pelbagai barang kraf tangan dihasilkan daripada daun mengkuang, antaranya beg, tikar, kotak perhiasan, kerusi dan banyak lagi," ujarnya.

Pada masa sama, KEJORA juga sedang melatih dan memberi bimbingan kepada seramai 15 usahawan tempatan sebagai persediaan dalam projek tersebut untuk menghasilkan produk kraf tangan atau hiliran lain daripada pokok mengkuang.

Dalam majlis yang sama, KEJORA turut menandatangani memorandum persefahaman (MoU) Pembangunan Usahawan dan Transformasi Perniagaan dengan SIRIM Berhad.

Norazman memberitahu, pihak SIRIM akan membangun dan meningkatkan produk usahawan KEJORA melalui kualiti pembungkusan dan persembahan produk selari dengan kaedah transformasi jenama yang berdaya saing.

"KEJORA mempunyai lebih 100 usahawan perusahaan kecil dan sederhana meliputi produk makanan dan minuman serta banyak lagi yang memerlukan input daripada SIRIM untuk meningkatkan kualiti dan pengeluaran produk mereka," ujarnya.

Zulkifli pula berkata, usahawan tempatan kini perlu mempunyai pendedahan mengenai teknologi pengeluaran dan maklumat pasaran terkini supaya produk mereka mudah dipasarkan di dalam dan luar negara.

"Penting bagi usahawan didedahkan dengan standard pengeluaran dan kualiti supaya produk mereka berdaya saing bagi pasaran tempatan dan antarabangsa," katanya.

FRIM hasilkan manual kaedah tanaman mengkuang

KOTA TINGGI – Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia (FRIM) akan menghasilkan manual kaedah penanaman terbaik pokok mengkuang secara ladang bagi kegunaan sektor perladangan pada masa hadapan.

Timbalan Ketua Pengarah (Operasi) FRIM, Dr. Khali Aziz Hamzah berkata, manual atau prosedur operasi standard (SOP) tersebut akan dihasilkan selepas pihaknya selesai melakukan kajian berhubung tanaman mengkuang dalam tempoh kira-kira tiga tahun lagi.

Menurutnya, FRIM telah mendapat kepercayaan daripada Lembaga Kemajuan Johor Tenggara (KEJORA) untuk melakukan kajian ke atas projek kajian dan pembangunan tanaman mengkuang di Kampung Tuan Seh, Sedili Besar dekat sini.

"Ketika ini banyak manual kaedah penanaman telah dibangunkan seperti tanaman



KHALI AZIZ (sembilan dari kiri) bersama Zulkifli (lapan dari kiri) dan kakitangan FRIM serta KEJORA bergambar di tapak projek tanaman mengkuang di Kampung Tuan Seh, Sedili Besar, Kota Tinggi semalam.

getah, cempedak, buluh dan banyak lagi.

"Namun, manual tanaman pokok mengkuang belum dibuat lagi oleh mana-mana agensi dan menerusi kajian ini, FRIM dapat mengenal pasti

kaedah terbaik untuk menanam tanaman itu daripada pokok sehingga produk hiliran yang boleh dihasilkan," katanya.

Beliau berkata demikian pada sidang akbar selepas maj-

lis menandatangani memorandum perjanjian antara FRIM dan KEJORA di Kampung Tuan Seh, Sedili Besar di sini semalam.

KEJORA diwakili oleh Pengurus Besarannya, Norazman

Othman. Turut hadir Pengurus Besar Kanan Jabatan Pemasaran Kumpulan SIRIM Berhad, Zulkifli Abdullah.

Mengulas lanjut mengenai projek penanaman pokok mengkuang itu, Khali Aziz berkata, tempoh kajian dijalankan selama tiga tahun di atas tanah seluas 5.6 hektar.

"Buat permulaan, tapak kajian dilakukan di atas tanah 1.6 hektar melibatkan tanaman sebanyak kira-kira 1,000 pokok daripada tiga jenis spesies yang diambil dari Johor, Selangor dan Kelantan.

"Spesies tersebut akan ditanam dan kita akan melihat jenis tanaman mana yang sesuai daripada benih liar sehingga samaian, teknik, baja, tempoh suaian dan pengurusan ladang.

"Pada peringkat akhir nanti, satu garis panduan akan dihasilkan daripada penanaman sampai penuaian yang boleh diikuti para peladang," jelasnya.